



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 11/2021**

**Indikator ekonomi utama menunjukkan momentum pemulihan yang menggalakkan menjelang suku keempat tahun ini dan tahun 2022**

**PUTRAJAYA, 26 NOVEMBER 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 11/2021**. MESR ini menumpukan kepada senario ekonomi bulan September 2021 dan prestasi ekonomi bagi suku ketiga tahun ini serta beberapa sorotan statistik akan datang bagi bulan Oktober 2021. Laporan ini juga dilengkapi dengan artikel khas bertajuk “COVID-19: Kesan Krisis Kesihatan Global Terhadap Perdagangan Barang Malaysia” yang memperihalkan prestasi perdagangan dan tinjauan perdagangan pasca pandemik terhadap bekalan barang terpilih yang berkaitan COVID-19.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “Pengumuman belanjawan yang bercirikan pengembangan bagi tahun 2022 dengan tema “Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera” dijangka dapat meminimumkan tekanan ekonomi dan memacu pertumbuhan ekonomi ke landasan yang betul, disamping pelaksanaan program vaksinasi berterusan dan pembukaan semula perjalanan rentas negeri. Berhubung perkara ini, walaupun prestasi ekonomi keseluruhan mencatatkan penyusutan pada ST3 2021, kebanyakannya petunjuk ekonomi menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur terutamanya pada September 2021.

Melihat kepada prestasi ekonomi Malaysia pada ST3 2021, walaupun Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merekodkan penyusutan 4.5 peratus, peralihan berterusan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah mengurangkan impak terhadap penguncupan KDNK Malaysia yang dicerminkan menerusi penyusutan kecil 1.1 peratus yang direkodkan pada September 2021 berbanding Ogos 2021 (-4.7%) dan Julai (-7.6%). Dari segi penawaran, semua sektor menyusut pada suku ini, manakala dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar mencatatkan penurunan, kecuali Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan yang kekal positif pada suku ketiga 2021. Ekonomi Malaysia meningkat 3.0 peratus bagi tempoh sembilan bulan dari Januari hingga September 2021 berbanding negatif 6.4 peratus tahun yang lalu.”

Dari sudut perdagangan luar negeri, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia pada suku ketiga 2021 merekodkan lebih RM11.6 bilion, berikutan defisit yang lebih tinggi dalam akaun Pendapatan. Akaun barang mencatatkan lebih tinggi sebanyak RM41.2 bilion apabila eksport menyusut pada kadar yang lebih perlahan berbanding import. Dari segi prestasi pelaburan, Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia terus mencatat aliran masuk RM12.8 bilion daripada RM8.2 bilion manakala Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) berubah kepada aliran masuk bersih RM4.7 bilion berbanding aliran keluar bersih RM4.0 bilion pada suku sebelumnya. Prestasi jumlah dagangan Malaysia pada ST3 2021 meningkat 18.1 peratus kepada RM546.2 bilion berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan kukuh ini disumbangkan oleh pembukaan semula aktiviti ekonomi domestik dan permintaan luaran yang berterusan. Pada tempoh yang sama, import meningkat 21.0 peratus mengatasi pertumbuhan eksport sebanyak 15.8 peratus yang masing-masing mencatatkan RM242.5 bilion dan RM303.7 bilion.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) merekodkan penurunan 1.1 peratus tahun ke tahun pada ST3 2021 berikutan pertumbuhan negatif yang dicatatkan dalam semua komponen IPP iaitu Perlombongan (-2.2%), Pembuatan (-0.7%) dan Elektrik (-3.1%). Bagi bulan September 2021, IPP memulih kepada 2.5 peratus tahun ke tahun, terutamanya didorong oleh peningkatan 4.0 peratus dalam indeks Pembuatan. Sementara itu, nilai jualan sektor Pembuatan pada ST3 2021 meningkat 6.4 peratus tahun ke tahun kepada RM381.8 bilion dan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih baik iaitu 11.6 peratus pada September 2021. Sementara itu, hasil sektor Perkhidmatan merosot 8.7 peratus tahun ke tahun kepada RM391.0 bilion pada suku ketiga tahun 2021 dipengaruhi oleh permintaan yang lebih perlahan berikutan kebanyakan negeri masih dalam Fasa 1 atau Fasa 2 PPN pada hampir keseluruhan suku tahun tersebut. Beralih kepada harga, Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan 2.2 peratus pada suku ketiga tahun 2021 manakala Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan meningkat 11.8 peratus tahun ke tahun.

Mengulas berhubung pasaran buruh pada ST3 2021, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir berkata, "Bilangan penduduk bekerja mencatatkan kenaikan 1.2 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 15.27 juta orang. Kadar pengangguran kekal pada 4.7 peratus sementara bilangan penganggur meningkat marginal 0.2 peratus kepada 746.2 ribu orang."

Indeks Pelopor (IP) kembali kepada pertumbuhan positif 0.6 peratus pada September 2021 selepas merekodkan penurunan 2.3 peratus pada bulan Ogos. Perbandingan bulan ke bulan, IP mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 4.0 peratus daripada 1.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Secara keseluruhannya, ini menandakan prospek ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang. Ini adalah selari dengan penemuan terkini Statistik Kecenderungan Perniagaan yang menunjukkan keyakinan perniagaan bertambah baik pada suku keempat 2021. Keyakinan perniagaan mencatatkan penurunan marginal terutamanya disumbangkan oleh sektor Industri dan Perdagangan Borong & Runcit di mana petunjuk keyakinan bagi sektor-sektor tersebut akan memulih ke trajektori positif.

Merumuskan kenyataannya, Ketua Perangkawan berkata, "Kelonggaran sekatan secara berperingkat dijangka akan menggalakkan pemulihan segmen ekonomi yang terjejas seperti pelancongan, kesenian & rekreasi serta pengangkutan. Berhubung perkara ini, Bajet 2022 yang diumumkan baru-baru ini dirangka ke arah komitmen untuk mencapai pemulihan penuh pada tahun 2022. Inisiatif strategik jangka pendek yang merangkumi langkah-langkah untuk memastikan bantuan berterusan sampai kepada kumpulan dan sektor yang terjejas akan meningkatkan pemulihan ekonomi negara. Melangkah ke hadapan, dijangkakan inisiatif-inisiatif ini ditambah dengan rancangan jangka sederhana yang lebih holistik iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas dapat merangsang pengembangan ekonomi seterusnya."

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM di talian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 NOVEMBER 2021**



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 11/2021**

***Key economic indicators signalled a promising recovery momentum towards the fourth quarter of the year and into 2022***

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 26, 2021** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 11/2021**. The MESR focuses on the economic scenario for September 2021 and economic performance for the third quarter of the year with some highlights on the forthcoming statistics for October 2021. This release is also complemented with a box article entitled “COVID-19: Impact of Global Health Crisis on Malaysia’s Merchandise Trade”, which emphasises on the trade performance and post-pandemic trade outlook on selected COVID-19 supplies.

According to Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, “The announcement of expansionary budget for 2022 with the theme “A Prosperous Malaysian Family” is expected to minimise the economic pressure and bring the economic growth on track, in addition to the continuous vaccination programme and reopening of interstate travel. In this regard, albeit an overall slower economic performance in Q3 2021, most economic indicators displayed gradual improvement especially in September 2021.

Looking at Malaysia’s economic performance in Q3 2021, in spite of registering a decline of 4.5 per cent in Gross Domestic Product (GDP), the continuous shift of the National Recovery Plan (NRP) phase has cushioned the downward impact of Malaysia’s GDP as reflected by a smaller decline of 1.1 per cent recorded in September 2021 compared to August 2021 (-4.7%) and July (-7.6%). On the supply side, all sectors declined in this quarter, while on the demand side, Private final consumption expenditure and Gross fixed capital formation registered a decrease, except Government final consumption expenditure which remained positive in the third quarter of 2021. Malaysia’s economy grew 3.0 per cent for the nine months from January to September 2021 as compared to a negative 6.4 per cent last year.”

In view of external trade, Malaysia’s Current Account Balance (CAB) in the third quarter of 2021 recorded a surplus of RM11.6 billion, owing to a higher deficit in the Income accounts. Goods account registered a higher surplus of RM41.2 billion as the exports declined at a slower rate than the imports. In terms of investment performance, Foreign

*Direct Investment (FDI) in Malaysia continued to record an inflow of RM12.8 billion from RM8.2 billion while Direct Investment Abroad (DIA) turned around to a net inflow of RM4.7 billion from a net outflow of RM4.0 billion in the previous quarter. Malaysia's total trade performance in Q3 2021 increased 18.1 per cent to RM546.2 billion as compared to the same quarter last year. This robust growth was attributed to the resumption of domestic economic activity and continuous external demand. During the same period, imports grew 21.0 per cent outpaced the exports growth of 15.8 per cent to register RM242.5 billion and RM303.7 billion, respectively.*

*The Industrial Production Index (IPI) for third quarter declined 1.1 per cent year-on-year following the negative growths in all the components of IPI namely Mining (-2.2%), Manufacturing (-0.7%) and Electricity (-3.1%). As for September 2021, the IPI rebounded 2.5 per cent year-on-year, largely buoyed by the 4.0 per cent rise in the Manufacturing index. Meanwhile, the Manufacturing sales value for Q3 2021 rose 6.4 per cent year-on-year to RM381.8 billion and posted a better year-on-year growth of 11.6 per cent in September. In the meantime, the Services sector revenue fell 8.7 per cent year-on-year to RM391.0 billion in the third quarter of 2021 against the backdrop of slower demand as most states remained in Phase 1 or Phase 2 of the NRP for most parts of the quarter. Moving on to prices, the Consumer Price Index (CPI) posted an increase of 2.2 per cent in the third quarter of 2021 while Producer Price Index (PPI) local production rose 11.8 per cent year-on-year.*

*Commenting on the labour market in Q3 2021, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir said, "The number of employed persons recorded a marginal increment of 1.2 per cent year-on-year to record 15.27 million persons. The unemployment rate remained at 4.7 per cent whereby the number of unemployed persons rose marginally by 0.2 per cent to 746.2 thousand persons."*

*The Leading Index (LI) returned to positive growth of 0.6 per cent in September 2021 after a decline of 2.3 per cent in August. Month-on-month comparison, LI registered a stronger growth of 4.0 per cent from 1.1 per cent posted in the previous month. Overall, this signalled a better economic outlook in the upcoming months. This is in line with the recent findings of Business Tendency Statistics which indicated improvement in business confidence in the fourth quarter of 2021. Business confidence registered a marginal decline mainly attributed to Industry and Wholesale & Retail Trade sectors where their confidence indicator will rebound to a positive trajectory.*

*Concluding his statement, the Chief Statistician said, "The progressive lift of the restrictions is anticipated to facilitate the recovery of the affected segments of the economy such as tourism, arts & recreations as well as transports. In this regard, the recent Budget 2022 is designed with the commitment to achieve full recovery in the year 2022. The short-term strategic initiative which comprises steps to ensure continuous assistance reach the affected group and sectors will bolster the national economic recovery. Moving forward, it is foreseen that these initiatives coupled with a more holistic*

*medium-term plan namely the Twelfth Malaysia Plan can stimulate further economic expansion.”*

*Thank you and highest appreciation to all Malaysian residents, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88 -7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate with the said activities of Malaysia Census 2020 because “Your Data is Our Future”. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
26<sup>th</sup> NOVEMBER 2021**